PEJABAT KETUA PENDAFTAR
*Office of the Chief Registrar*
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
*Federal Court of Malaysia*
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500

Faks : 03-8880 3886

*Laman Web : http://www.kehakiman.gov.my*

*Ruj. Tuan* :

*Ruj. Kami* : (36) dlm. JK/MP 38 Jld.6

*Tarikh* : 27 Oktober 2015

Pengarah Mahkamah Negeri
**Seluruh Malaysia**

Hakim Mahkamah Sesyen
**Seluruh Malaysia**

Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
**Seluruh Malaysia**

Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Rendah
**Seluruh Malaysia**

Majistret
**Seluruh Malaysia**

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah
**Seluruh Malaysia**

HAK MILIK PERPUSTAKAAN PKPMP

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**ARAHAN AMALAN BIL. 5 TAHUN 2015**
**PENGKELASAN KOD TAMBAHAN BAGI KES KEMALANGAN JALAN RAYA YANG MELIBATKAN PEKHIDMAT AWAM**

Dengan hormatnya saya diarahkan untuk merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan sedia maklum, kod bagi kes-kes kemalangan jalan raya telah ditetapkan sebagaimana Arahan Amalan Bilangan 7 Tahun 2013 iaitu Kod A53KJ dan B53KJ di Mahkamah Sesyen dan Kod A73KJ di Mahkamah Majistret. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk menambahbaik sistem pendaftaran kes-kes tersebut khususnya bagi kes-kes yang melibatkan pekhidmat awam.

...2/-

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kes–kes sedemikian dapat dipantau dan diselesaikan dengan lebih efisyen, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia mengarahkan agar kes-kes kemalangan jalan raya yang melibatkan pekhidmat awam diberikan kod-kod pendaftaran khusus seperti berikut:-

3.1 Bagi Mahkamah Sesyen, pengkelasan kod tambahan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Kod A51KJ | Tort (Kemalangan Jalan Raya) (RM100,001-RM300,000) (Pekhidmat Awam) |
| Kod B51KJ | Tort (Kemalangan Jalan Raya) (RM300,001-RM1,000,000) (Pekhidmat Awam) |

3.2 Bagi Mahkamah Majistret, pengkelasan kod tambahan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Kod A71KJ | Tort (Kemalangan Jalan Raya) (Pekhidmat Awam) |

4. Bagi kes-kes sedia ada yang telah didaftarkan dengan kod A53KJ dan B53KJ di Mahkamah Sesyen dan Kod A73KJ di Mahkamah Majistret, ia hendaklah dikekalkan sehingga kes-kes tersebut selesai. Pendaftaran kes-kes mengikut kod-kod yang baharu hendaklah terpakai mulai arahan amalan ini berkuatkuasa.

5. Buku Kausa untuk pendaftaran setiap kod seperti di atas hendaklah dibuka dan diselenggarakan dengan teratur.

6. Arahan Amalan ini berkuat kuasa pada **1 November 2015.**

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR)**
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
**PUTRAJAYA**

HAK MILIK PERPUSTAKAAN PKPMP

**s.k:**

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
**PUTRAJAYA**

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
**KUCHING, SARAWAK**

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Pendaftar Mahkamah Rayuan Malaysia
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

HAK MILIK PERPUSTAKAAN PKPMP

...4/-

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
**KUCHING, SARAWAK**

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Timbalan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Pustakawan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Presiden
Majlis Peguam Malaysia
**KUALA LUMPUR**

Pengerusi
Persatuan Undang-Undang Sabah
**SABAH**

Pengerusi
Persatuan Peguambela Sarawak
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching
**SARAWAK**

Editorial Director
Malaysian Current Law Journal
CLJ Legal Network Sdn Bhd
Ampang
**SELANGOR**

HAK MILIK PERPUSTAKAAN PKPMP